

PERSEPSI CINA MUALAF TERHADAP KEBERKESANAN KELAS PENGAJARAN QURAN ANJURAN ORGANISASI DAKWAH DI MALAYSIA

Syed Najihuddin Syed Hassan (Penulis Utama)

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri
Sembilan, Malaysia.

Tel: +601126395798, E-Mel: syednajihuddin@usim.edu.my

Amran Abdul Halim, USIM

Walid Mohd Said, USIM

Abdulloh Salaeh, USIM

Nidzamuddin Zakaria, USIM

Rabiatul Adawiyah Mohd @ Amat, USIM

Abstrak

Kelas Pengajian Islam sangat penting setelah pengislaman golongan mualaf. Hasil daripada penubuhan kelas ini, mereka dapat mempelajari Islam dengan lebih mendalam serta mempunyai tempat rujukan jika terdapat sebarang kemusykilan. Sebagai kelompok yang baru kembali kepada Islam, mereka tentunya menghadapi pelbagai masalah berkaitan pemahaman ajaran Islam. Rentetan itu, di Malaysia, pelbagai institusi dakwah seperti MACMA dan PERKIM telah menggunakan kaedah pengajaran berbentuk fizikal seperti kelas pengajian agama, dan secara atas talian seperti rakaman video ceramah agama dan sebagainya. Ini adalah merupakan usaha pihak bertanggungjawab bagi memastikan golongan mualaf ini dapat mudah mempelajari Islam juga Quran. Kajian ini mengkaji keberkesanan kelas pengajian agama terhadap golongan mualaf yang dianjurkan oleh organisasi Islam di Malaysia seperti MACMA dan PERKIM. Selain itu, kajian ini juga bagi mengenalpasti usaha mereka dalam mempelajari Quran. Kajian bercorak kualitatif ini mengumpulkan data melalui dokumen dan menemu bual 23 orang responden. Mereka dipilih secara purposif dengan keizinan MACMA yang daripada tiga buah negeri di Malaysia. Dapatan kajian ini telah mengenalpasti faktor pengislaman mualaf, tribulasi pasca pengislaman dan kaedah pengajian agama juga pembelajaran Quran. Justeru, langkah sewajarnya perlu dilaksanakan bagi mempertingkatkan kebolehcapaian ilmu Islam juga Quran bagi golongan cina mualaf agar mereka dapat mengamalkan ilmu tersebut dalam kehidupan seharian.

Kata kunci: MACMA, pendidikan mualaf, mualaf, kelas Quran, kelas pengajian Islam

Pendahuluan

Aktiviti penyebaran dakwah di Malaysia semakin menampakkan hasil apabila saban hari semakin ramai individu yang tertarik untuk memeluk agama Islam (Siti Fathimatul Zahrah & A'thiroh Masyaa'il Tan, 2015). Menurut rekod oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) seramai 10,489 orang yang telah memeluk agama Islam secara rasmi dari tahun 2010 hingga 2015. Ini hanya catatan rekod untuk sebuah negeri di Malaysia sahaja yang telah diambil, jika catatan itu mengambil kira seluruh negeri di Malaysia pasti jumlahnya berlipat kali ganda (Muhammad Yusuf Marlon, et al., 2017). Golongan mualaf ini memerlukan perhatian dan bimbingan dalam mempelajari hal-hal berkaitan dengan pengamalan agama Islam. Pada masa kini, terdapat pelbagai

organisasi di Malaysia yang menjaga hal ehwal golongan muallaf ini seperti MACMA, PERKIM, YADIM dan sebagainya (Nor Fazila, 1999).

Oleh yang demikian, organisasi dakwah sebegini amat diperlukan untuk memainkan peranan yang penting dalam membimbing golongan muallaf mempelajari selok-belok agama Islam yang mereka baru anuti. Sebaik sahaja seseorang individu tersebut mengucap dua kalimah syahadah mereka digalakkan untuk mengikuti kelas pengajian Islam yang dianjurkan oleh organisasi ini. Kebanyakan kelas pengajian Islam yang dijalankan di Malaysia dianjurkan oleh badan bukan kerajaan (NGO).

Pada peringkat permulaan, golongan muallaf ini memerlukan pengajaran intensif secara kondusif. Hal ini melibatkan pengetahuan tentang Islam yang senang untuk diterima oleh mereka, pembelajaran yang senang untuk difahami serta amalan yang senang dipraktikkan berdasarkan pembelajaran yang dilalui. Walau bagaimanapun pihak organisasi ini akan memastikan hasil dari pembelajaran tersebut memberi kesan yang positif dalam hidup seseorang individu muallaf tersebut dalam menjalani cara hidup secara Islam (Mohd Azmi & Maimunah, 2003).

Permasalahan Kajian

Golongan muallaf yang baru memeluk Islam pasti mempunyai sedikit kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan agama baru. Antara permasalahan yang dapat dikenal pasti berkaitan muallaf ialah berkaitan isu pembelajaran Quran secara khusus dan pengajian Islam secara umumnya. Rentetan itu, keberkesanan dalam kaedah pengajaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar didapati boleh memberikan kesan yang besar terhadap seseorang muallaf. Jika kaedah pembelajaran tersebut dapat difahami dengan jelas oleh golongan ini, maka mereka dapat mempraktikkan Islam dengan baik. Namun, jika sebaliknya pihak institusi dakwah perlu memikirkan kaedah lain untuk digunakan dalam proses pengajaran.

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut keberkesanan kelas pengajaran agama anjuran institusi dakwah di Malaysia terhadap golongan cina muslim di Malaysia, sekumpulan penyelidik dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menjalankan temubual bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan bertepatan dengan topik kajian. Sesi temubual ini telah dijalankan dengan kerjasama organisasi dakwah tersebut di tiga buah negeri: Selangor di PERKIM dan MACMA, Kelantan di MACMA, dan Melaka juga di MACMA.

Objektif Kajian

Kajian ini berteraskan dua objektif utama iaitu mengkaji faktor keislaman golongan Cina muallaf serta keberkesanan kelas pengajaran Quran juga agama Islam terhadap golongan muallaf yang dianjurkan oleh organisasi Islam di Malaysia seperti MACMA dan PERKIM. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti usaha-usaha yang diambil oleh golongan muallaf bagi mempelajari Quran dan Islam selain mengikuti kelas yang dianjurkan oleh institusi dakwah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan cara menganalisis dokumen seperti buku dan jurnal yang berfokus kepada tajuk kajian. Di samping itu, sesi temu bual untuk seramai 23 orang responden telah dilaksanakan di organisasi dakwah yang terpilih iaitu MACMA. Tiga negeri telah

dipilih secara khusus atas faktor kesediaan responden yang akan menjawab persoalan temu bual. Soalan temu bual adalah berbentuk separa struktur. Pemilihan responden pula adalah berdasarkan kepada cadangan daripada institusi MACMA serta dengan persetujuan peribadi responden untuk ditemu bual.

Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting bagi mengetahui impak dan keberkesanan kaedah pengajaran Quran juga agama Islam yang digunakan oleh institusi dakwah yang terpilih iaitu MACMA serta usaha-usaha yang diambil oleh golongan mualaf untuk mempelajari Islam dengan lebih mendalam. Di samping itu, kajian ini membantu mengenal pasti tahap keberkesanan pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh organisasi serta institusi dakwah bagi membantu golongan mualaf dalam mempelajari al-Quran. Melalui kajian ini, penyelidik berharap agar institusi dakwah di Malaysia dapat dibantu dalam membuat penambahbaikan kaedah pengajaran Quran juga agama Islam terhadap golongan mualaf ini.

Mualaf dan Keperluan Pasca Islam

Definisi Mualaf

Berdasarkan kepada konteks masyarakat Malaysia yang majmuk, mualaf adalah merujuk kepada individu yang baru memeluk agama Islam (Awang & Khadijah Mohd Khambali, 2015) tidak kira dari bangsa Cina, India atau lain-lain (Rosli & Pao, 2015). Manakala Amran Kasimin (1991) pula mengkategorikan mualaf kepada dua jenis iaitu individu yang dipujuk dan dijinakkan hatinya supaya terus iltizam dalam agama Islam serta individu yang dipupuk supaya tertarik untuk bertukar kepada agama Islam. Menurut Irwan et.al (2015), golongan ini dikenali sebagai mualaf seperti mana disebutkan al-Quran dalam surah al-Taubah ayat 60:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاةِ فُلُوبُهُمْ فِي الرِّقَابِ
وَالْغَرَمِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾ [التوبة: 60]

Maksudnya:

Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang miskin, amil yang menguruskannya dan orang-orang yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang ingin memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah dan orang-orang musafir (orang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian adalah) satu ketetapan yang datang dari Allah. Dan ingatlah, Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.

Surah al- Taubah (9): 60

Keperluan Mualaf Selepas Islam

Golongan mualaf yang baru memeluk Islam berhadapan dengan pelbagai kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan agama baru. Mereka ibarat seperti seorang bayi yang baru dilahirkan dan perlu diberi perhatian dari segi keperluan dari aspek kewangan dan kebajikan serta didikan agama

(Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Selain itu, golongan ini juga perlu dilindungi daripada aspek perundangan seperti identiti seorang mualaf yang perlu dititiberatkan dengan cara mendapatkan kad pengislaman. Hal ini adalah disebabkan oleh, jika berlaku kematian terdapat bukti kukuh mengenai pengislaman seseorang mualaf.

Manakala bagi keperluan dari aspek kewangan pihak kerajaan telah memperuntukkan undang-undang untuk pemberian zakat kepada mualaf yang diselia oleh Lembaga Zakat di setiap negeri (Azman, et al., 2015). Golongan ini menerima zakat di bawah peruntukan khas bagi golongan mualaf.

Kaedah Pengajian Quran

Pembelajaran Quran bermula seawal penurunan Quran pada zaman Rasulullah SAW. Pada ketika itu, kaedah pembelajaran yang diamalkan adalah secara talaqqi dan musyafahah. Malah Rasulullah SAW mengajar Quran kepada para sahabat tidak melebihi 10 ayat agar pembelajaran itu dapat memberi nilai tambah kepada ketepatan bacaan, pemahaman, pengamalan dan hafazan. (al-Zarqani, 2013, al-Qattan, 2013, Abbas, 2007, Toure, 2018). Kaedah ini secara tidak langsung menjadi asas kepada pembelajaran al-Quran pada masa kini.

Di Malaysia, terdapat pelbagai pendekatan dalam mengajar dan mempelajari al-Quran. Kepelbagaian pendekatan ini mengambil kira latar belakang kumpulan sasaran dalam kalangan orang Islam yang rata-ratanya tidak fasih berbahasa Arab. Justeru, penekanan awal hanya tertumpu kepada kaedah pembacaan Quran. Antara kaedah pembelajaran al-Quran yang sesuai dengan golongan ini ialah teknik al-Baghdadi. Teknik al-Baghdadi ini telah lama diajarkan oleh guru Quran zaman berzaman. Kaedah ini memfokuskan kepada peranan guru untuk mengajar muridnya mengenali huruf, baris dan bunyinya. Kaedah al-Baghdadi sememangnya masyhur dan telah tersebar luas ke seluruh Nusantara alam Melayu. Teknik ini kemudiannya diberi nilai tambah oleh Ustaz Jalaluddin bin Hasanuddin al-Baghdadi pada 2009 dengan penambahan bahan-bahan bantuan mengajar terhasil dari pengalaman beliau mengendalikan kursus kaedah al-Barqy yang diasaskan oleh Allahyarham Ustaz Muhadjir Sulthon seperti teknik ketukan (Sharifah Norshah, 2018).

Selain itu, kaedah Iqra' yang diasaskan oleh Allahyarham Ustaz As'ad Humam pada tahun 1988 di Indonesia turut mendapat sambutan meluas di Nusantara dan di Malaysia khususnya pada tahun 1992. Kaedah Iqra' ini telah digunapakai secara rasmi dalam silibus pembelajaran Quran seluruh sekolah rendah di Malaysia dan telah mendapat sambutan yang baik. Pelajar juga didapati berjaya menguasai bacaan Quran dalam tempoh 6 bulan (Mohd Alwi, 2001).

Perkembangan pembelajaran Quran terus berkembang pesat dengan pendekatan yang lebih kontemporari dengan munculnya pelbagai kaedah baharu seperti kaedah Iqra' al-Taisir yang diperkenalkan oleh Mohd Rizal Abdul Ghani (2014) dengan menggunakan pendekatan ilustrasi grafik bagi menarik minat pembaca. Kaedah Haraki pula diperkenalkan oleh Ustaz Zakaria bin Din, seorang pensyarah Institut Pendidikan Guru kampus Ipoh. Pendekatan haraki menekankan konsep bacaan bertajwid menggunakan pergerakan tangan. Pelajar akan dapat menguasai pembacaan al-Quran bertajwid dalam tempoh tujuh jam sahaja.

Selain itu, pembelajaran al-Quran kontemporari seperti kaedah al-Matien juga turut diperkenalkan oleh Ustaz Mohd Zamri Mohd Zainuddin dan Ustaz Haji Mohd Wahid Abdul Hanif, seorang guru al-

Quran dan editor Syariah di Telaga Biru Sdn. Bhd. (Zamri Mohd. Zainuddin, 2009). Kaedah ini menggabungkan beberapa kaedah sedia ada seperti kaedah Iqra', Qiraati dan al-Barqi.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa kepelbagaian kaedah pembelajaran al-Quran di Malaysia mampu membantu seseorang muslim mempelajari al-Quran mengikut kemampuan masing-masing. Ia juga dilihat mampu memberikan pendekatan yang terbaik mengikut tahap fasahah bacaan, tajwid serta pemahaman intipati al-Quran.

Peranan Institusi Dakwah di Malaysia

Pendidikan dan bimbingan agama juga sangat diperlukan oleh seorang mualaf. Justeru, di Malaysia, setelah seorang individu mualaf tersebut mengucapkan dua kalimah shahadah, mereka digalakkan untuk mengikuti kelas pengajian agama yang dianjurkan oleh MAIN, JAIN atau mana-mana institusi dakwah yang dikelola oleh NGO di Malaysia. Pihak penganjur perlulah mengambil kira berkenaan silibus dan kaedah pembelajaran supaya ianya mudah difahami dan diikuti oleh golongan mualaf. Antara ilmu-ilmu asas yang perlu disampaikan adalah berkenaan dengan fardhu ain, tauhid, ibadah, akhlak dan pengajaran al-Quran (Zainab, Norabidah, & Wan Ibrahim, 2015).

Justeru, bagi memastikan golongan ini dibimbing dengan pendekatan dakwah secara berterusan, beberapa institusi dakwah yang diasaskan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah diwujudkan bagi membantu mualaf mendalami agama Islam. Antara NGO yang bergiat aktif dalam menjalankan kerja dakwah kepada golongan mualaf adalah seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) (Nor Fazila, 1999), Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA), Hidayah Center Foundation (HCF) dan sebagainya (Ahmad Yunus, Samsuddin, & Misnan, 2017). Agensi-agensi ini membantu golongan mualaf agar dapat mempelajari al-Quran serta mengamalkan kehidupan berteraskan Islam kepada mereka.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Semasa sesi temubual diadakan beberapa soalan telah diajukan kepada sekelompok responden yang merujuk kepada objektif kajian ini. Justeru, dapatan daripada kajian ini adalah sebagaimana yang diterangkan di bawah.

Latar Belakang Responden

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden yang telah dipilih di tiga buah institusi dakwah yang terlibat dari tiga buah negeri. Berpandukan jadual tersebut didapati responden terdiri daripada remaja seawal usia 15 tahun hingga warga emas berusia 80 tahun serta pernah menganut agama yang pelbagai sebelum Islam.

Jadual 1: Profil Demografi Responden

Ciri Demografi	Kekerapan
Jantina (n=23)	
Lelaki	14
Perempuan	9
Umur (n=23)	
25 Ke bawah	3
26- 35	3


36- 45	3
46 ke atas	9
Tidak dinyatakan	5
Agama Asal (n=23)	
Buddha	14
Kristian	4
Taoisme	2
Lain-lain	3

Sumber: Temubual (2018)

Faktor Pengislaman

Rajah 1 menunjukkan faktor pengislaman golongan muallaf. Hasil daripada kajian ini mendapati konsep dan ajaran Islam antara faktor utama yang mendorong seseorang individu untuk bertukar kepada agama Islam. Menurut seorang responden (R#2, ms.1, baris 9, Selangor), beliau masuk Islam kerana berasa kagum mendengar laungan azan setiap kali waktu solat serta berasa kagum dengan konsep kepercayaan kepada Allah SWT yang diajarkan dalam Islam. Selain itu, hubungan baik sesama kaum keluarga yang telah bertukar kepada agama Islam juga merupakan antara sebab utama mereka tertarik dengan Islam. Seorang responden (R#1, ms.1, baris 7-12, Kelantan) berkata beliau masuk Islam kerana mengikuti bapa beliau yang merupakan ahli keluarga yang pertama masuk Islam.

Menariknya, ada juga responden yang terdetik untuk bertukar kepada agama Islam melalui mimpi (R#7, ms.1, baris 18-19, Selangor) yang berkata beliau bermimpi sebanyak dua kali menyebut kalimah tauhid (La Ilaha Illa Allah). Hanya dua orang sahaja responden yang bertukar kepada agama Islam disebabkan oleh perkahwinan (R#3, ms.1, baris 8, Selangor; R#2, ms.1, baris 4, Melaka).



Rajah 2: Faktor Pengislaman

Sumber: Temubual (2018)

Tempoh Masa Mempelajari Islam Sebelum Memeluk Islam

Berdasarkan dapatan temubual, mereka mempunyai pengalaman yang berbeza-beza dalam perkara ini. Ada yang mengambil masa selama berbulan-bulan, ada yang beberapa tahun sebelum bertukar kepada agama Islam. Akan tetapi ada (R#3, ms.1, Baris4-10, Melaka) yang terus mengucap dua


kalimah syahadah setelah mengikuti dan melihat muslim yang lain solat. Rajah 3 menunjukkan tempoh masa yang diambil oleh responden bagi mempelajari Islam sebelum kembali kepada Islam. Tempoh masa 11 bulan ke bawah adalah yang terbanyak di kalangan mereka iaitu 36 peratus, diikuti 11 tahun ke atas iaitu 32 peratus.



Rajah 3: Tempoh Masa Belajar Islam Sebelum Pengislaman
Sumber: Temubual (2018)

Kaedah Yang digunakan Untuk Mempelajari Islam


Kajian mendapati majoriti responden mengikuti kelas pengajian agama yang dianjurkan oleh pihak institusi. Namun mereka juga turut mencari alternatif lain untuk memahami agama Islam dengan lebih mendalam. Menurut responden #6 (ms.2, baris.71, Selangor) berkata, beliau menambah pengetahuan berkenaan Islam melalui buku-buku agama selain dari mengikuti kelas pengajian Islam yang dianjurkan oleh institusi dakwah. Manakala responden #3 (ms.1, baris.14, Selangor) berkata beliau mendengar ceramah agama dari tokoh-tokoh agamawan seperti Hussien Yee, Dr. Mohd Asri dan lain-lain. Rajah 2 menunjukkan graf kaedah yang digunakan oleh golongan mualaf untuk mendalami Islam.



Rajah 2: Kaedah yang digunakan untuk mempelajari Islam
Sumber: Temubual (2018)

Sumber Pembelajaran Quran

Berdasarkan kajian ini juga mendapati pihak institusi dakwah ada menyediakan kelas bimbingan Quran sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 3 iaitu majoriti 52% responden menyatakan sumber pembelajaran Quran yang mereka lalui. Pada peringkat awal, para pelajar diajar mengenai perkara-perkara asas seperti mengenal huruf-huruf jawi dan hukum-hukum tajwid yang asas. Selain itu, mereka juga mencari alternatif lain untuk mempelajari Quran seperti mendengar bacaan Quran melalui siaran di televisyen dan juga dengan melayari laman web berkaitan di internet (#1, ms.1, baris 17, Selangor).



Rajah 3: Sumber Pembelajaran Quran

2. Sumber: Temubual (2018)

Kesimpulan

Hasil kajian ini mendapati peranan sesebuah institusi dakwah di Malaysia sangat penting dalam proses pembelajaran Quran serta pengajian Islam bagi seseorang mualaf. Selepas menerima hidayah daripada Allah SWT ini, mualaf sememangnya memerlukan bimbingan dalam segala aspek pembelajaran berkaitan Islam terutamanya pembacaan Quran. Oleh itu, dengan adanya institusi dakwah ini mereka dapat mempelajari Islam di samping berkumpul serta mengenali saudara baru yang lain dalam usaha memulakan hidup berteraskan Islam dan Quran. Inisiatif yang telah diambil oleh institusi dakwah ini juga banyak memberi kesan kepada kehidupan mereka sebagai contoh selepas pengislaman mereka wakil dari institusi dakwah ini akan membantu mendapatkan bantuan dari pihak zakat dan NGO lain yang dirasakan sesuai mengikut keperluan mereka. Justeru, usaha institusi tersebut sewajarnya disokong dengan segala bentuk bantuan seperti bantuan tenaga pengajar, latihan dan sebagainya.

Penghargaan

Artikel ini ingin menyampaikan sekalung penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia

atas sokongan pembiayaan geran penyelidikan dalaman USIM bertajuk Sumber Pemahaman Quran dalam Kalangan Cina Muslim di Malaysia (PPP/USG-0216/FPQS/30/19416).

Rujukan

- Azman, A., M.S, I., Mahazan, A., Nuradli Ridzwan Shah, M., Wan Mohd Fazrul Azdi, W., Rose Irnawaty, I., & Ismail, N. (2015). Analisis Pentafsiran Mualaf Menurut Islam dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 11.
- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abd Hamid, & Misnan jemali. (2017). Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif: Special Issue 1*, 2.
- Ahmad, M. U. (1988). *al-Mu'jam al-A'rabi al-Asasi*. Tunis: Al-Munazzamah Al-Arabiyyah wa al-Ulum. Al-Baghdadi Centre. (2014). Apa itu teknik belajar al-Quran?. [HYPERLINK "http://albaghdadicentre.blogspot.com/2014/03/apa-itu-teknik-belajar-al-quran-al.html"](http://albaghdadicentre.blogspot.com/2014/03/apa-itu-teknik-belajar-al-quran-al.html)
<http://albaghdadicentre.blogspot.com/2014/03/apa-itu-teknik-belajar-al-quran-al.html>
(Tarikh capaian: 11 Oktober 2019)
- Alwi, E. A., & Zhengbin, Y. A. (2010). Gerakan Dakwah di Kalangan Masyarakat Cina Terengganu. *Dakwah Multi Etnik*, 228.
- Awang, A., & Khadijah Mohd Khambali, @. (2015). Faktor Pemelukan Agama Islam: Kajian Terhadap Komuniti Saudara Muslim Cina di Negeri Terengganu. *Faktor Pemelukan Agama Islam: Kajian Terhadap Komuniti Saudara Muslim Cina di Negeri Terengganu*, 24.
- Azman, A., Irwan M.S, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Wan Mohd Fazrul Azdi, W.R, Rose Irnawaty, Ibrahim, & Norlina Ismail. (2015). Analisis Pentafsiran Mualaf Menurut Islam dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 11.
- Fadhil Hassan 'Abbas. (2007). *Muhadharat fil Ulumil Qur'an*. Jordan: Darun Nafais.
- Fee, L. Y. (2009). Kajian tentang Identiti Orang Cina di Malaysia dari Segi Epistemologi: Ulasan. 3.
- Hussain, A. (1398H). Saudara Baru dan Masalahnya, Masa Journal. *Pusat Penyelidikan Islam Malaysia*, 73.
- Irwan, M., Azman A.R, Mahazan A.M, Ridzwan Shah, N., Wan Mohd Fazrul Azdi, W., Rose Irnawaty, I., . . . Norlina, I. (2015). Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf Dalam Kalangan Mualaf Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 114.
- Mohd Alwi, Adel M. Abdul Aziz, Ahmad Kamel. (2001). *Penyelidikan: Kajian Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca Al-Quran Di Semenanjung Malaysia*. KUIM.
- Mohd Rizal Abdul Ghani. (2014). *Iqra' At Taisir*. Kuala Lumpur: Darul Furqan.
- Muhammad Abdul Adzim al-Zarqani. (2013). *Manahil Irfan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy

- Mohd Azmi, M., & Maimunah, I. (2003). Status Program Pembelajaran Di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes Di Negeri Melaka. *Jurnal Sains Sosial Dan kemanusiaan 11(1)*, (pp. 81-95). Melaka.
- Muhammad Yusuf Marlon, A., Mariam, A., Syarul Azman, S., Latifah Bibi, M., Hanis Najwa, S., & Nurfida'iy, S. (2017). Penilaian terhadap kursus mualaf di Selangor. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 227-235.
- Nor Fazila Abd Shukor. (1999). *Permasalahan di Kalangan Mualaf dan Khidmat Sokongan oleh PERKIM Negeri Perak*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Omar, M. F., & al-Qudsy, D. S. (2017). Sumbangan Organisasi Cina-Muslim Dalam Keharmonian Beragama Di Malaysia: Tinjauan Terhadap Peranan Dan Cabaran Terhadap PERKIM Dan MACMA. *Isu-isu Semasa Dakwah dan Golongan Minoriti*, 2.
- Pustaka, D. B. (2010). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Qattan, Manna'. (2013). *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah Wahbah
- Rosli, R., & Pao, N. A. (2015). Aplikasi Metodologi Dakwah Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) Kelantan Kepada Muallaf: Kajian Awal. *Prosiding Seminar Antarabangsa pengurusan & Kepimpinan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*, 4.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin et al. (2018). *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran: Kajian Di Masjid UniSZA*. *Jurnal Hadhari* 10 (1) (2018). 93-108. ejournals.ukm.my/jhadhari
- Siti Adibah, A., & Siti Zubaidah, I. (2018). Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 97-122.
- Siti Fathimatul Zahrah, Y., & A'thiroh Masyaa'il Tan, A. @. (2015). Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Muallaf : Satu Tinjauan Literatur. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam:Ke Arah Pemantapan* (pp. 1-17). Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi.
- Tan, C. B. (1997). Chinese Identities in Malaysia. *Southeast Asian Journal of Social Science*, 5.
- Siti Rugayah, H. T., Fariza Md Sham, & Muhammad Hilmi Jalil. (2014). *Pembangunan Dakwah Mualaf*. Bangi: Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Toure, Abdul Karim & Robiatul Adawiyah. (2016). *Faydul Rahman fi Bayan Ulum al-Quran*. Penerbit USIM.
- Zainab, I., Norabidah, P., & Wan Ibrahim, W. (2015). Tahap Pengetahuan Agama Saudara Baru di Pusat Bimbingan Islam Saudara Baru Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah. In I. Zainab, P. Norabidah, & W. A. Wan Ibrahim, *Saudara Baru di Pusat Bimbingan Islam Saudara Baru Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah* (pp. 91-93). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mohd. Zainuldin. (2009). *Mantap Mengaji Kaedah al-Matien*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.